

MOTIF ALAM FLORA DALAM SENI UKIRAN LOGAM HALUS KELANTAN

MOHD RAZAIMI HAMAT
Universiti Kebangsaan Malaysia
azaimiey@yahoo.com

MOHD YUSZAIDY MOHD YUSOFF
Universiti Kebangsaan Malaysia
yuszaidy@ukm.edu.my

ABSTRAK

Alam cukup kuat pengaruhnya dalam kehidupan tradisi masyarakat Melayu sejak zaman berzaman. Hubungan erat antara masyarakat Melayu dengan alam persekitaran mereka telah membentuk satu pengaruh unik khususnya penggunaan unsur alam sebagai motif dalam aspek kesenian dan kebudayaan Melayu. Keupayaan mengolah unsur alam khususnya flora sebagai motif ragam hias yang cantik dan unik turut membuktikan keupayaan daya kreativiti yang tinggi dalam kalangan tukang-tukang ukir Melayu khususnya seni ukiran logam halus. Kajian ini meneliti pemilihan motif alam flora dalam seni logam halus emas dan perak di negeri Kelantan. Kajian ini juga meneliti kepelbagaian unsur alam flora yang digunakan sebagai motif dalam seni ukiran logam ini. Selain itu, kajian ini juga turut meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan unsur alam flora yang popular dalam seni ukiran logam ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kajian lapangan melibatkan kaedah temu bual bersama tukang ukir logam halus di Kelantan. Hasil kajian memperlihatkan terdapat lima motif utama alam flora yang sering digunakan dalam seni ukiran logam dan sejauhmana pengaruhnya dalam masyarakat. Antara motif yang digunakan ialah motif bunga, daun, pokok, pucuk dan tampuk buah. Setiap bahagian yang terdapat dalam tumbuh-tumbuhan ini menjadi satu inventori khusus berkaitan motif alam flora dan falsafah penggunaan khususnya dalam seni ukiran halus emas dan perak dalam masyarakat Melayu.

Kata kunci: Alam; flora; Kelantan; motif; seni ukir logam halus

FLORAL MOTIFS IN KELANTAN PRECIOUS METAL CARVING

ABSTRACT

There is a very strong elements of nature in the traditional living of the Malay society ever since. This strong relationship between the Malay society and the nature environment around them has formed a very unique influence especially in the use of

the nature elements as motifs in the Malay arts and culture. The ability to stylize and utilize these nature elements as motifs in the design and unique carvings demonstrates high creativity amongst Malay craftsmen particularly in the art of precious metal carvings. This study examined the selection of floral motifs in the art of precious metals carvings such as gold and silver carvings in the state of Kelantan and the diversity of floral motifs involved in the design attributes. In addition, this study also assessed the different factors which influence the selection of popular floral elements involved in the art of precious metal carvings. This study utilized qualitative approach which were literature review and field study. Field study involved interviews with precious metal craftsmen. The results showed that there was a clear and frequent usage of floral elements such as flowers, leaves, trees and fruit trees in the precious metal carvings and its strength of influence in the Malay society. These results would serve as a special inventory of floral motifs and the philosophy behind precious metal gold and silver carvings in the Malay society.

Keywords: Nature; floral; Kelantan; motive: precious metal carvings

PENGENALAN

Alam begitu sinonim dengan kehidupan manusia. Alam juga mempunyai pengaruh dan melatari kehidupan masyarakat sejak zaman berzaman. Pengaruh alam bukan sahaja diterjemahkan dalam kehidupan harian malah turut mempengaruhi kemampuan kreativiti masyarakat terutama orang Melayu sehingga mampu mengolah serta menterjemahkan alam semulajadi dalam bentuk artifak budaya yang hebat. Seni ukir logam telah diakui menjadi satu tradisi kepada masyarakat Melayu sejak zaman berzaman. Tradisi pertukangan logam ini bukan sahaja menjadi satu kebanggaan kepada kelompok masyarakat yang menghasilkannya malah ianya turut menjadi satu identiti atau simbol kepada ketinggian tamadun masyarakat tersebut. Seni pertukangan logam terutama emas dan perak telah berkembang melampaui masa, teknologi, kegunaan, fungsi malah ianya menjadi bahan berharga pada masa sekarang disebabkan nilai antik dan keunikan seni pertukangannya.

Ironinya di negeri Kelantan, seni pertukangan logam adalah melibatkan pertukangan logam emas, perak dan tembaga. Tidak hairanlah jika Kelantan amat terkenal dengan penghasilan artifak budaya berasaskan logam emas, perak dan tembaga. Sehingga kini tradisi seni pertukangan logam ini masih kekal dan bertahan walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran. Kajian ini akan melihat pengaruh alam flora dalam penghasilan motif seni ukiran halus emas dan perak yang dilihat masih kekal bertahan sebagai satu tradisi seni dan warisan pertukangan Melayu. Seni pertukangan logam halus ini juga dilihat semakin terancam apabila negara kehilangan ramai tukang-tukang hebat yang mana kemahiran tersebut seolah gagal diwarisi oleh tukang-tukang sekarang.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini menekankan pengaruh alam dengan menumpukan kepada objektif seperti berikut:

- a. Menenal pasti motif alam flora yang digunakan dalam seni ukir logam halus.
- b. Meneliti faktor-faktor pemilihan motif alam flora dalam seni ukir logam halus.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu bersifat deskriptif yang lebih kepada huraian motif alam melalui sampel artifak dan kajian lapangan. Kajian ini bersifat terbuka dan bebas serta menggunakan bilangan responden yang kecil. Kaedah penyelidikan kajian berbentuk deskriptif juga memberi tumpuan terhadap perkara yang dikaji. Penyelidikan ini menggunakan konsep dan pendekatan tertentu yang dibincangkan secara terperinci dalam bahagian konsep kajian. Konsep yang digunakan merupakan panduan kepada keseluruhan kajian. Hasil penyelidikan pula banyak melibatkan perkataan dan gambar dan bukannya dalam bentuk data. Selain itu kajian ini juga akan melibatkan kajian di lapangan terutama di Kota Bharu, Kelantan yang mempunyai senarai tukang emas yang ramai dan masih mengekalkan tradisi ukiran logam. Kajian ini menggunakan beberapa kaedah pengumpulan data secara temu bual melibatkan tukang-tukang seni ukir logam emas dan perak di lapangan secara semi-formal. Selain itu juga temu bual turut melibatkan beberapa orang pengkaji dan pakar dalam bidang seni ukir dan perhiasan diri.

Kajian terhadap motif alam flora ini menggunakan pendekatan etnografi iaitu kaedah yang mendeskripsi dan menganalisis mengenai bahan artifak berdasarkan perkembangan budaya. Melalui pendekatan ini pengkaji akan melakukan temuramah dengan para informan yang dapat memberikan maklumat berkenaan makna, lambang dan maklumat lain mengenai subjek yang dikaji. Berdasarkan teori ini, pengkaji akan menemuramah pengukir yang terlibat secara langsung dalam seni ukiran logam halus untuk mendapatkan maklumat berkaitan pengaruh unsur alam dan faktor pemilihan dalam ukiran.

LATAR BELAKANG SENI UKIR LOGAM DI KELANTAN

Kelantan cukup terkenal sebagai sebuah negeri yang amat unik terutama dari aspek kesenian dan kebudayaan Melayu. Terletak di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu, Kelantan amat sinonim dengan kepelbagaian kebudayaan dan kesenian Melayu seperti Main Puteri, Bageh, Mak Yong, Menora, Wayang Kulit, Dikir Barat yang mengabungkan unsur hiburan dan ritual (Solehah 2010). Selain daripada seni persembahan Kelantan turut terkenal dengan permainan tradisional seperti gasing, wau, kertuk, rebana ubi dan pelbagai permainan masa lapang yang menjadi sumber hiburan dan kesatuan masyarakatnya. Tidak ketinggalan juga dalam aspek seni pertukangan, Kelantan dilihat cukup tebal dengan tradisi seni ukiran kayu, emas, perak dan tembaga serta tradisi tenunan songket dan penghasilan kain batik.

Bersandarkan kepada kekayaan budaya dan tradisi tersebut tidak hairanlah Kelantan boleh ditakrifkan sebagai "*the cradle of Malay culture*". Selain dari Jawa

Tengah dan Bali, kawasan di Kepulauan Melayu yang kaya dengan kebudayaan dan kesenian yang tersendiri ialah Kelantan (Hanapi Dollah 2010). Pendapat ini adalah berlandaskan kepada kepelbagaian bentuk dan jenis kebudayaan daripada persembahan ritual kepada hiburan, ukiran kayu kepada ukiran logam, muzik dan tarian yang mendasari kehidupan masyarakatnya. Kesenian ini telah menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat dan ianya telah berkembang dan diwarisi.

Kedudukan negeri Kelantan yang berjiran dengan Pattani di sebelah utara Semenanjung berdepan dengan Teluk Siam dan Segenting Kra menjadikan ianya tempat persinggahan dan berkembang menjadi satu daerah yang pesat dari segi ekonomi dan kebudayaan. Mengikut catatan sejarah China era Dinasti Liang awal abad ke-5 Masihi telah menyebut bahawa kerajaan Langkasuka telah banyak mempengaruhi perkembangan kerajaan-kerajaan kecil termasuk Chih Tu atau Kelantan pada waktu itu. Faktor ini juga mempengaruhi kewujudan pengaruh Hindu Budha dan Islam dalam aspek kebudayaan Kelantan.

Salah satu kesenian yang masih kekal bertahan di Kelantan adalah seni pertukangan logam halus emas dan perak. Sehingga sekarang Kelantan cukup gah sebagai pengeluar artifak budaya berasaskan emas dan perak yang bermutu tinggi sama ada dari aspek bahan, pembuatan mahupun keunikannya malahan dihasilkan oleh tukang-tukang yang berkemahiran tinggi. Bahan yang dihasilkan mempunyai fungsi dan peranan tersendiri dalam kontek sosial masyarakat Kelantan. Seni pertukangan logam sama seperti mana seni pertukangan yang lain mempunyai perjalanan sejarah yang panjang dan telah mengalami pelbagai perubahan mengikut masa dan zaman. Kekurangan data serta rekod menyebabkan masyarakat tidak dapat menentukan dengan tepat bila, siapa yang memelopori seni pertukangan logam ini.

Seni pertukangan logam lahir mengikut selera dan fungsi pada zamannya. Kesukaran untuk menentukan sejarah perkembangan seni pertukangan logam di Kelantan adalah disebabkan oleh ketiadaan sumber-sumber yang jelas dan ianya hanya bersandar kepada laporan atau catatan penemuan arkeologi. Jumpaan seperti beliung, kapak, tembikar, perkakasan logam menunjukkan perkembangan tamadun yang berubah secara berperingkat-peringkat. Ketamadunan ini juga telah mempengaruhi bentuk penghasilan artifak budaya yang bersifat ringkas dan mudah kepada alatan yang lebih kompleks dan bersifat istimewa.

Sejarah seni ukir logam di Tanah Melayu boleh dikaitkan dengan kegemilangan dan keagungan kerajaan Melayu awal. Logam emas merupakan logam paling bernilai telah digunakan sebagai bahan utama perhiasan diri raja-raja. Emas dikatakan hanya boleh dipakai oleh raja dan keluarganya sahaja (Zubaidah Sual 1999). Kerajaan Melayu Melaka yang wujud selepas 1400 telah membentuk empayar dan kesultanan Melayu yang terulung dalam sejarah Semenanjung Tanah Melayu. Tanah Melayu pada ketika dahulu dikenali sebagai "*Golden Chersonese*" oleh pedagang Barat manakala "*Suvarnabumi*" oleh pedagang India. Ini secara tidak langsung merujuk kepada kekayaan sumber alam dan emas yang dimiliki oleh Tanah Melayu pada ketika itu.

Sejarah awal mencatatkan, emas dijumpai dalam kuantiti yang banyak di sekitar Sungai Jelai, Kuala Lipis, Pahang dan Ulu Tomok di sempadan Kelantan dan Patani di Selatan Thailand. Kemasukan pedagang Barat dan China pula telah mengembangkan lagi industri perlombongan emas secara aktif. Beberapa kawasan di

Terengganu, Gunung Ledang, Johol dan Gemenceh pernah tercatat sebagai kawasan pengeluaran emas. Dianggarkan pengeluaran emas pada masa tersebut melebihi 1000 pound khususnya pada tahun 1839. Kegiatan perlombongan emas paling pesat dicatatkan pada tahun 1897 apabila perlombongan emas secara besar-besaran dilakukan di Raub, Pahang. Selain itu terdapat juga perlombongan secara kecilan yang dilakukan di Selensing, Cegar Perah dan Merapoh. Sementara itu di Kelantan, emas dilaporkan dijumpai dan dilombong di kampong Pulau, Sungai Pergau dan Ulu Sekor (Mohd Kassim Haji Ali 1988).

Sejarah penghasilan objek budaya di alam Melayu sudah lama bertapak sejak zaman pra sejarah iaitu paleolitik, neolitik dan mesolitik. Hasil temuan arkeologi berupa tembikar, kapak batu, siput, manik, dan lukisan gua memperlihatkan penggunaan unsur alam dalam penghasilan dan hiasan pada artifak tersebut. Unsur alam pada era tersebut bersifat monumental dan lambang. Jumpaan ini diukir, dicat dan dihiasi dengan pelbagai reka corak membuktikan ketamadunan masyarakat pada ketika itu. Objek ini bukan sahaja berfungsi sebagai bahan kegunaan harian tetapi juga bersifat sebagai simbol status masyarakat pemiliknya, bahan ritual, pelengkap adat malahan turut menjadi bahan iringan bagi pengebumian pemiliknya. Carigali arkeologi di Lembah Bujang telah menemukan relief arkeologi berbentuk miniatur iaitu mangkuk keemasan, bunga teratai dan singa keemasan, sebilah lembing keemasan, pisau belati keemasan, perisai dan beberapa objek lain yang berunsurkan emas (Nik Hassan Suhaimi et.al. 1992).

Secara umumnya kajian arkeologi telah menemukan barangan logam berukir pada era Paleolitik khususnya di Candi Batu Pahat, Lembah Bujang, Kedah yang dianggarkan bertarikh antara abad ke-5 hingga ke-14. Jumpaan artifak daripada logam emas seperti kertas emas, kepingan emas dan manik emas dan figura berbentuk haiwan. Kesemua artifak ini telah digunakan oleh masyarakat awal di Lembah Bujang yang dikaitkan dengan masyarakat yang mengamalkan agama dan kebudayaan Hindu. Selain daripada logam emas beberapa jumpaan lain seperti tulang mawas, gendang dongson, beliung syiling emas dan perak membuktikan bahawa seni ukir logam telah lama bertapak. Perubahan teknologi serta fungsi bahan yang dihasilkan telah banyak berubah malah ianya pernah mencapai tahap tertinggi dalam penghasilan ciptaan seni ukir logam. Bermula sebagai satu ciptaan yang mudah dan berfungsi sebagai alatan kegunaan harian akhirnya berkembang sebagai seni pertukangan yang memerlukan kemahiran pertukangan yang tinggi dan ciptaanya pula bersifat eksklusif dan menjadi simbol status sosial masyarakatnya.

Dalam konteks negeri Kelantan, perkembangan seni ukir logam ini asalnya bermula sebagai "*cottage industry*" dan akhirnya berkembang sebagai seni istana dengan tahap penghasilan ciptaan yang berkualiti tinggi. Secara umumnya boleh dikatakan permulaan untuk seni ukir logam ini bermula secara serentak di antara ukiran emas, perak mahupun tembaga. Ini kerana kebanyakan tukang-tukang pada era tersebut menggunakan ketiga-tiga bahan tersebut sebagai medium ukiran bergantung kepada tempahan pelanggan. Peringkat awal kegiatan seni ukir logam ini tertumpu di kawasan Kota Bharu khususnya di Kampung Sireh dan Kampung Morat. Kampung Sireh terletak kira-kira dua kilometer dari Bandar Kota Bharu dan berhampiran dengan Sungai Kelantan.

Berdasarkan maklumat lisan, sekitar tahun 1900 kegiatan seni ukir logam emas dan perak telah dipelopori oleh Che Mamat Bin Che Daud yang berasal dari

Pergau dan telah berkhidmat sebagai tukang ukir emas kepada Raja Pahang. Apabila kembali ke Kelantan beliau telah berkahwin dengan seorang wanita di Kampung Sireh dan meneruskan pekerjaan sebagai tukang ukir emas dan perak. Sekitar tahun 1930-an ekoran kemelesetan ekonomi ramai di kalangan tukang ukir emas mula mengalih perhatian mereka kepada ukiran perak kerana faktor harga bahan yang lebih murah. Che Mamat cukup terkenal kerana ciptaan yang dihasilkan amat halus dan cantik. Maka tidak hairanlah Che Mamat menjadi pilihan kepada tukang-tukang muda untuk belajar dan mewarisi ilmu beliau. Anak didik Che Mamat akhirnya meneruskan legasi beliau dan mengembangkan seni ukiran logam ini khususnya di Kampung Morat. Perkembangan citarasa serta permintaan daripada pelanggan yang mementingkan kehalusan seni ukir logam yang lebih halus serta menarik telah membuka ruang terhadap perkembangan seni ukir logam halus khususnya penghasilan barangan perhiasan diri daripada emas dan perak. Kemunculan tukang ukir logam halus seperti Nasar Bin Che Musa (Ayah su), Tengku Yahya Bin Tengku Chik (Pok Ku Din) dan Maliki Bin Yusuf telah berjaya mengembalikan kegemilangan seni ukiran logam halus di negeri Kelantan.

PENGARUH UNSUR ALAM DALAM SENI UKIR LOGAM

“Alam terkembang menjadi guru”. Pepatah Minangkabau yang jelas memperlihatkan kepentingan alam dalam budaya masyarakat Melayu. Alam amat penting di dalam proses kehidupan sosial, budaya, beragama dan ekonomi. Dalam konteks kebudayaan hubungan antara manusia dan alam persekitarannya mewujudkan kepelbagaian hasil kesenian. Pelbagai alatan dicipta samada sebagai alat kegunaan harian, pakaian, barangan adat, ritual malah ada juga yang bersifat status. Hasil kesenian ini oleh diterjemahkan kepada dua bentuk kebudayaan iaitu nyata (tangible) dan tidak nyata (intangible). Apabila menyentuh tentang kebudayaan nyata ia berkait rapat dengan konsep kebudayaan benda (material culture). Dalam hal ini, salah satu elemen yang terangkum dalam nilai sebagai kebudayaan benda bagi masyarakat Melayu adalah hasil dari seni kraf seperti ukiran kayu, alat muzik, seni persenjataan, seni logam dan sebagainya.

Keunikan dan ketelitian dalam penghasilan hasil seni dapat dilihat melalui kehalusan hasil kerja dengan kaedah tertentu dan digabungkan dengan pengaruh dan unsur alam yang menjalar ke setiap pelusuk ruang, komposisi, bahan dan bentuk yang menampilkan estetika yang tinggi. Berkait dengan seni kraf, seringkali pengkaji dan peminat seni kraf Melayu tidak menolak pandangan bahawa terdapat nilai pemikiran dan simbolisme dalam penghasilan bahan seni kraf tersebut. Dalam konteks penghasilan bahan senikraf ini telah melahirkan ciri estetika yang dikesan melalui bentuk, motif, kaedah serta filosofi penghasilan bahan itu. Apa yang menarik perhatian ialah bagaimana pengaruh unsur alam diterjemahkan dan diterapkan pada logam khususnya emas dalam penghasilan artifak budaya. Ianya telah melahirkan artifak yang amat bernilai tinggi dari aspek kehalusan pembuatan, motif, teknik serta menentukan tahap atau status pemilik atau pemakainya. Motif alam yang digunakan dalam penghasilan artifak budaya amat banyak dan pelbagai. Sebagai contoh unsur alam seperti tumbuhan, bunga, bintang, matahari, haiwan dan lain-lain. Kesemua unsur alam ini membawa pengertian yang tersendiri ditambah pula dengan peranan serta kedudukan logam itu sendiri dalam konteks masyarakat Melayu.

Seni ukir logam merupakan salah satu cabang kesenian yang telah lama berkembang dalam masyarakat Melayu. Ianya berkembang selari dengan kewujudan dan penggunaan emas, perak dan tembaga dalam konteks sosial masyarakat. Berbanding perak dan tembaga, logam emas dianggap logam paling bernilai dan berpengaruh malah menjadi simbol status dan kemewahan khususnya bagi golongan pemerintahan, raja atau bangsawan. Kedudukan emas dalam status masyarakat adalah tinggi dan tertumpu kepada golongan tertentu sahaja. Penghasilan bahan budaya dan kesenian berunsurkan emas juga hanyalah untuk golongan tersebut menyebabkan kesenian ini menjadi sesuatu yang eksklusif. Ianya mempengaruhi aspek perkembangan, pembangunan, penyebaran serta fungsi bahan yang dihasilkan. Tidak seperti seni pertukangan yang lain, seni ukir emas mempunyai nilai eksklusif yang tersendiri.

Sejarah Melayu awal mengaitkan emas sebagai gambaran kedaulatan dan keagungan raja-raja Melayu. Emas dikatakan hanya dipakai oleh keluarga diraja sahaja manakala pembesar yang mempunyai barang kemas sendiri tidak dibenarkan sama sekali memakai atau memaparkan kekayaannya. Perhiasan diri daripada emas hanya boleh dipakai oleh orang kebanyakan dengan limpah perkenan Sultan. Emas menjadi anugerah kepada pembesar atau rakyat jelata yang berjasa di samping persalinan dan barangan yang lain sebagai membalas jasa atau kasih kepada hambanya (Mohd Kassim Haji Ali 1990).

Tukang-tukang mahir dan berkemahiran tinggi mendapat kedudukan istimewa dan berkerja di perkarangan istana dengan mencipta hasil-hasil seni yang indah dan bermutu tinggi khusus untuk golongan diraja. Kebanyakan hasil seni berupa perhiasan diri diperbuat daripada emas, perak atau suasa dan ditatah dengan permata juita, intan, berlian, nilam, zamrud, delima dan mutiara. Kesenian ini akhirnya berkembang dan turut digunakan oleh rakyat biasa dengan penghasilan barang hiasan yang diperbuat daripada perak atau tembaga dan adakala dicelup emas. Bagi membezakan pemakaian dengan golongan diraja, ianya ditatah dengan batu permata yang tidak mahal yang bersesuaian dengan status kedudukan rakyat biasa (Azah Aziz 1989).

Tidak dapat dinafikan peringkat awal perkembangan seni ukiran Melayu dikaitkan dengan golongan istana. Istana berperanan sebagai pencetus kepada kegemilangan tukang-tukang ukir dan juga berfungsi sebagai pelindung yang menghidupkan kesenian Melayu (Muhammad Afandi Yahya 1995). Kepentingan hasil tangan tukang-tukang ukir mahir pula amat berkait dengan kegemilangan seni yang merupakan cerminan kepada status pemerintah. Seorang Raja yang tidak memiliki istana yang indah dengan penerapan seni ukirnya dan tidak mempunyai kelengkapan diri yang indah akan dianggap sebagai raja yang belum sempurna dan kurang martabatnya (Abdul Halim Nasir 1987). Peranan istana telah mengangkat martabat hasil seni dan status tukang itu sendiri. Bermula sebagai satu seni di bangsal atau belakang rumah akhirnya berkembang di istana. Tukang juga mula berkerja sepenuh masa bagi memenuhi kehendak istana. Tukang yang mempunyai bakat kesenian dan kemahiran yang tinggi diangkat menjadi Seniman Diraja. Ianya merupakan satu pengiktirafan kepada tukang malah mendapat tempat yang istimewa di istana malah penempatan mereka juga adalah berhampiran dengan istana. Kehidupan mereka boleh dikatakan berada di dalam satu perkampungan seni yang mana ianya dinaungi oleh raja atau pembesar. Naungan oleh Raja ini secara tidak

langsung mempengaruhi bentuk dan mutu hasil seni yang dihasilkan. Konsep penaung atau “ketuanan” telah mendorong tukang-tukang untuk mencurahkan segala ilmu dan kemahiran untuk menaikkan nama “tuannya”. Hubungan antara penaung-dinaungi antara raja dan tukang menyebabkan semua hasil seni yang dihasilkan menjadi hak mutlak raja. Corak dan motif yang dihasilkan adalah eksklusif dan tidak boleh ditiru oleh rakyat biasa.




GAMBAR 1. Pending Emas Bertatah Batu Permata dengan Motif Bunga Pecah Lapan
Sumber: Jabatan Muzium Malaysia

Dalam konteks seni Melayu, tukang-tukang melalui pemerhatiannya terhadap alam persekitaran akan mendapat idea lalu menzahirkan tujuan sebenar mencipta, mengikut peraturan, fikiran dan alam semulajadi. Seni rupa Melayu juga boleh dianggap sebagai jelmaan unsur-unsur alam semulajadi kepada suatu bentuk karya seni rupa yang terhasil daripada pengamatan dan pemikiran pencipta yang dijelmakan melalui impian dan mencerminkan suasana harmoni antara manusia dengan alamnya. Dalam abad ke 18, ahli falsafah mengaitkan pengaruh keadaan alam sekitar, iklim, bangsa dan sejarah mempengaruhi penghasilan artifak budaya sesuatu masyarakat. Kenyataan ini secara tidak langsung mengaitkan kepentingan serta hubungan intim antara manusia dan persekitaran telah secara bersama mewujudkan kesatuan idea dan akhirnya menghasilkan bahan-bahan yang berfungsi sebagai alatan kegunaan harian malah ianya turut digunakan sebagai alatan adat dan simbol status bagi golongan tertentu.

Dalam konteks seni ukiran logam tidak dapat lari dari konsep tersebut. Tukang ukir tradisional atau tukang tua juga mendapat ilham daripada alam persekitaran mereka. Namun mereka lebih memahami segenap ruang alam tersebut sebelum diterjemahkan kepada penghasilan sesuatu objek budaya. Mereka menghayati dan merasai setiap perubahan serta keunikan pada alam persekitaran mereka. Status logam yang digunakan sebagai medium ukiran turut mempengaruhi kaedah, teknik dan pemilihan motif. Semestinya tukang akan menggunakan teknik terbaik dan

memilih unsur alam yang dominan dari alam sebagai motif bagi disesuaikan dengan kedudukan logam yang digunakan.

Faktor perubahan masa, agama serta teknologi turut memberikan kesan nyata kepada seni ukir logam. Ianya turut mempengaruhi corak pemikiran tukang-tukang dalam menghasilkan sesuatu ukiran. Tukang-tukang baru dilihat mampu menghasilkan objek budaya yang bermutu namun kurang terserlah dari aspek penghayatannya. Mereka dilihat mewarisi kepandaian atau bakat mengukir tetapi kurang memahami simbol atau falsafah disebalik ukiran mereka khususnya dalam penggunaan unsur-unsur alam yang tertentu. Motif alam yang dibuat lebih bersifat meniru motif alam terdahulu. Penghasilan motif baru daripada kejadian alam sekitar tidak lagi dihasilkan kerana kurangnya pemerhatian dan penghayatan oleh tukang generasi baru. Pemahaman terhadap unsur alam itu kekal menjadi hak milik tukang-tukang tua dan diyakini akan hilang dan kekal menjadi warisan yang tidak mampu dirungkai. Faktor perubahan agama khususnya daripada Hindu Budha kepada Islam turut mempengaruhi penggunaan motif alam pada seni ukir logam. Peringkat awal ciptaan lebih banyak memperlihatkan unsur Hindu seperti penggunaan motif binatang seperti lembu, naga, buaya dan sebagainya. Setelah kedatangan Islam secara perlahan-lahan unsur Hindu Budha tersebut digantikan dengan motif alam tumbuhan atau bentuk geometri yang dibenarkan oleh agama Islam.



GAMBAR 2. Dokoh dengan Motif Daun Sukun
Sumber: Jabatan Muzium Malaysia



GAMBAR 3. Rantai Leher dengan Motif Bunga Tanjung
Sumber: Jabatan Muzium Malaysia


Pengaruh alam yang mendasari kehidupan masyarakat awal bukan sahaja diterjemahkan dalam kehidupan harian malah turut mempengaruhi kemampuan kreativiti masyarakat Melayu yang mampu mengolah serta menterjemahkan alam semulajadi dalam bentuk artifak budaya yang hebat. Ianya menjelaskan hubungan antara manusia dengan unsur alam yang menjadi pilihan adalah cukup erat. Hubungan ini secara simboliknya dapat menjelaskan kedudukan serta pengaruh alam yang menjadi pilihan tukang sebagai motif ukiran dalam kehidupan, budaya, adat mahupun sistem nilai masyarakat. Kebanyakan motif alam yang menjadi pilihan adalah mempunyai nilai perubatan, semangat malah dipercayai mempunyai sifat semulajadi yang unik serta mudah didapati dipersekitaran mereka. Penggunaan motif alam ini juga membuktikan bahawa tukang-tukang Melayu mempunyai ilham seni, pemikiran dan teknologi penghasilan bahan yang cukup dikagumi. Unsur alam ini mendominasi hampir keseluruhan penghasilan artifak budaya. Penggunaan bahan alami membuktikan bahawa kebergantungan tukang kepada alam. Perolehan idea serta proses menterjemahkan idea kepada objek tanpa adanya sistem rekabentuk dan rekacorak secara bertulis merupakan satu kehebatan bakat anugerah Allah yang cukup bermakna. Garapan idea ini hanya wujud pada kotak pemikiran tukang sahaja dan dihayati sepenuhnya oleh mereka dalam proses penghasilan objek budaya ini. Di sinilah terletaknya ketinggian daya kreativiti tukang-tukang Melayu.

MOTIF ALAM FLORA DALAM SENI UKIR LOGAM HALUS

Motif merupakan gambaran visual atau imej yang menjadi ragam hias corak sesuatu permukaan logam yang berfungsi untuk mengindahkan, mencantikan dan menambah nilai sesuatu ciptaan ukiran logam. Motif yang menghasilkan corak yang tersendiri mempunyai pengaruh yang begitu penting kerana ianya menentukan ciri dan fungsi bahan tersebut dan tidak hanya sebagai hiasan semata-mata (Haziyah, 2006). Kesenian adalah bersifat lahiriah dan mempunyai makna batiniah yang melibatkan penggunaan seluruh pancaindera. Masyarakat Melayu mengalami tahap-tahap pembudayaan yang berbeza iaitu daripada kepercayaan animism, Hindu, Budha dan Islam serta pengaruh budaya barat. Agama Islam ternyata telah berjaya membawa perubahan yang besar dalam corak kehidupan masyarakat Melayu. Sistem

kepercayaan tidak lagi berasaskan kuasa ghaib, alam tumbuh-tumbuhan, hidupan bernyawa, hantu syaitan dan dewa dewi tetapi lebih mentauhidkan akidah kepada konsep ketuhanan Yang Esa (Muhammad Afandi Yahya 1995). Kedatangan agama Islam ke alam Melayu tidak menghapuskan penggunaan unsur alam khususnya fauna atau binatang tetapi diolah semula oleh tukang kepada bentuk yang tidak bercanggah dengan agama Islam iaitu dengan menggunakan unsur alam tumbuhan.


Motif juga dijelmakan dengan beberapa cara dan kaedah. Ada motif digunakan mengikut rupa asalnya dan ianya bersifat semulajadi. Terdapat juga motif yang dipermudahkan dan diabstrakkan mengikut kesesuaian bahan material yang digunakan. Terdapat juga motif yang telah digayakan bagi meningkatkan daya dan nilai estetikanya. Motif flora atau motif tumbuhan merupakan motif pilihan para tukang ukir. Motif flora terhasil melalui pemerhatian secara langsung dan daya ingatan tukang ukir dengan alam persekitaran mereka. Sifat tumbuhan yang lembut membuktikan keharmonian kehidupan manusia dan hubungan akrabnya dengan alam sekitar (Abd Rasid Ismail 2014). Kelembutan flora juga dikaitkan dengan budaya Melayu yang bersifat lemah lembut, berbudi bahasa dan sopan santun. Tukang ukir akan menggunakan daya kreativiti dan pengamatan yang halus untuk mengolah dan mengayakan motif flora tersebut menjadi satu rekacorak yang menarik. Hakikatnya idea pengolahan motif alam itu lahirnya dari hubungan akrab di antara pengukir dan alam sekelilingnya.



GAMBAR 4. Lakaran Pending dengan Motif flora Bunga Tanjung dan Sultur
Sumber: Nasar Bin Che Musa

Kebiasaannya motif flora dikaitkan dengan tumbuhan yang bersifat menjalar atau melata dan berbunga. Sifat tumbuhan yang sedemikian mempunyai sulur yang lembut dan ianya mudah diubahsuai mengikut citarasa tukang ukir. Dalam konteks motif flora, bahagian tertentu seperti jenis pokok, bunga, daun, sulur, pucuk dan buah akan menjadi pilihan tukang untuk diterjemahkan sebagai motif. Berdasarkan temubual terhadap dua orang tukang ukir logam halus di Kelantan iaitu Tukang Ayah Su dan Tukang Pok Ku Din menyatakan, pada peringkat awal pertukangan mereka lebih gemar menggunakan istilah "*bunga jawa*" iaitu merujuk kepada motif flora yang diukir pada logam emas dan perak. Kemunculan tokoh-tokoh pengukir tersohor

Kelantan khusus dalam seni ukiran kayu seperti Wan Su, Latif Long serta Nik Rashidin telah berjaya memperkenalkan motif flora tempatan menggantikan motif bunga jawa. Perkembangan ini juga memberikan impak yang besar terhadap seni ukiran logam halus apabila motif flora tempatan juga mula diterapkan dalam seni ukiran logam. Berikut adalah senarai flora yang digunakan sebagai motif dalam seni ukiran logam halus.



GAMBAR 5. Lakaran Sarung Golok dengan Motif Flora
Sumber: Nasar Bin Che Musa



GAMBAR 6. Lakaran Cincin dengan Motif Flora
Sumber: Nasar Bin Che Musa

JADUAL 1. Motif Alam Flora (Bunga-bunga)

Bil	Jenis Bunga	Makna dan Kepentingan
1	Bunga Cempaka	Bunga hiasan di persekitaran rumah Melayu turut digunakan sebagai hiasan pada wanita. Berbau wangi dan mempunyai khasiat perubatan
2	Bunga Kenanga	Bunga tradisonal yang menjadi tumbuhan hiasan taman

rumah Melayu. Bersifat wangi dan cantik

3	Bunga Kekwa	Mempunyai rupa yang amat cantik dan sesuai sebagai olahan motif
4	Bunga Berbaling	Tumbuhan bunga liar dari hutan.
5	Bunga Ketamguri	Tumbuhan bunga liar dari hutan
6	Bunga Kacang	Pokok tumbuhan sayuran yang biasa ditanam. Bentuk dan sifat menjalar menjadi inspirasi pengukir.
7	Bunga Tanjung	Pokok yang bersifat rendah dan rimbun sesuai untuk teduhan. Bunga kecil dan berbau wangi. Juga digunakan dalam hiasan diri wanita. Mempunyai khasiat perubatan
8	Bunga Lili	Tumbuhan tanaman hiasan, warna yang menarik
9	Bunga Matahari	Tumbuhan hiasan, warna dan bentuk bunga yang menarik.
10	Bunga Mawar	Tumbuhan hiasan, berbau wangi dan mempunyai kelopak yang menarik.
11	Bunga Melur	Bunga hiasan dan berbau harum dan mempunyai khasiat perubatan
12	Bunga Raya	Bunga kebangsaan Malaysia, kelopak dan warna yang menarik
13	Bunga Dahlia	Mempunyai kelopak bunga dan warna yang cantik.
14	Bunga Orkid	Tumbuhan hiasan yang mempunyai bentuk bunga yang cantik dengan kepelbagaian warna
15	Bunga Teratai	Tumbuhan akuatik mempunyai kelopak bunga dan warna yang cantik dan menjadi simbol spriritual khususnya dalam konteks budaya Buddha
16	Bunga Senduduk	Tumbuhan liar yang berbunga cantik. Senduduk putih dipercayai dapat mengubat penyakit santau.
17	Bunga Padi	Tanaman makanan utama turut dipercayai mempunyai semangat dalam budaya Melayu
18	Bunga Lawang	Bentuk bunga yang menarik. Berfungsi sebagai rempah ratus untuk masakan Melayu dan mempunyai khasiat perubatan.
19	Bunga Kerak Nasi	Pokok Tikar Seladang atau juga dikenali sebagai Kesidang atau dikenali juga dengan nama pokok bunga kerak nasi di bahagian utara semenanjung Malaysia atau bunga tikam seladang di pantai Timur. Bentuk bunga yang cantik
20	Bunga Kecubung	Tumbuhan hiasan dan bunga yang cantik serta mempunyai khasiat perubatan.

Sumber: Kajian Lapangan 2018



GAMBAR 7. Sumber Asal Bunga Lawang



GAMBAR 8. Sumber Asal Bunga Raya



GAMBAR 9. Sumber Asal Bunga Kenanga



GAMBAR 10. Sumber asal Bunga Senduduk

RAJAH 1. Alam Flora (Bunga-Bunga)

Sumber: Kajian Lapangan 2018

JADUAL 2. Motif Alam Flora (Daun)

Bil	Jenis Daun	Sifat dan Kepentingan
1	Daun Bayam	Mudah ditanam, tanaman makan dan berdaun lebar juga mempunyai khasiat perubatan.
2	Daun Keladi	Tumbuhan yang mudah didapati di persekitaran kampung, tumbuhan makanan dan juga mempunyai khasiat perubatan
3	Daun Sukun	Daun lebar, buahnya menjadi makanan utama di alam Melayu. Dikatakan berasal dari Polonesia
4	Daun Sirih	Tumbuhan yang rapat dengan budaya Melayu, aktiviti menyirih, daun sirih simbol kelembutan tuturkata dan budi bicara. Bersifat menjalar dan daun berbentuk bujur. Sirih juga dikaitkan dengan elemen perubatan dan kecantikan.

Sumber: Kajian Lapangan 2018



Gambar 11. Sumber asal daun Sukun



Gambar 12. Sumber asal daun Sirih

RAJAH 2. Alam Flora (Motif Daun)

Sumber: Kajian Lapangan 2018

JADUAL 3. Motif Alam Flora (Pokok)

Bil	Jenis Pokok	Sifat dan Kepentingan
1	Pokok Kacang	Sifat menjalar dan meliuk lentok, tumbuhan makanan
2	Pokok Kerak Nasi	Pokok Tikar Seladang atau juga dikenali sebagai Kesidang atau dikenali juga dengan nama pokok bunga kerak nasi di bahagian utara semenanjung Malaysia atau bunga tikam seladang di Pantai Timur. Bentuk bunga yang cantik
3	Pokok Kiambang	Tumbuhan akuatik
4	Pokok Teratai	Tumbuhan akuatik
5.	Pokok Labu	Sejenis tanaman menjalar, tanaman makanan
5	Pokok Saga Keneri	Juga dikenali sebagai pokok akar saga, sejenis tumbuhan menjalar dengan daun yang unik.

Sumber: Kajian Lapangan 2018

JADUAL 4. Motif Alam Flora (Pucuk)

Bil	Jenis Pucuk	Sifat dan Kepentingan
1	Pucuk Rebung	Tumbuhan dasar bagi pokok buluh, sifat kepelbagaiangunaan buluh dalam budaya Melayu. Motif alam flora paling popular

Sumber: Kajian Lapangan 2018

JADUAL 5. Motif Alam Flora (Buahan/tampuk)

Bil	Jenis Buah	Sifat dan Kepentingan
1	Manggis (tampuk manggis)	Buahan tempatan berkelopak lima juga mempunyai fungsi sebagai pewarna semulajadi

Sumber: Kajian Lapangan 2018

KRETERIA PEMILIHAN MOTIF ALAM FLORA DALAM SENI UKIRAN LOGAM

Pemilihan motif alam sebagai rekacorak hiasan pada ukiran logam halus didapati tidak banyak perbezaan dengan pemilihan motif alam flora yang digunakan dalam kesenian yang lain seperti ukiran kayu, tenunan songket, batik dan kesenian yang lain. Berdasarkan kajian yang dilakukan terdapat beberapa kriteria utama yang menyumbang kepada pemilihan motif alam flora dalam seni ukiran logam halus. Kriteria pertama yang menjadi pilihan tukang ukir adalah faktor keunikan yang ada pada flora tersebut. Keunikan tersebut samada dari segi bentuk, warna, bau, ketahanan, fungsi dan sebagainya. Keunikan ini memberikan sumber ilham kepada tukang ukir untuk menterjemahkan ciri keunikan tersebut kepada hasil seni yang juga pastinya unik. Kepelbagaian bentuk flora sama ada bentuk daun, bunga mahupun pokok menjadi inspirasi kepada tukang untuk mengolah unsur tersebut menjadi motif yang menarik. Bentuk bunga yang menarik seperti bunga melur, bunga tanjung, bunga ketam guri, bunga lawang, bunga cempaka, bunga lawang, bunga cengkih dan beberapa jenis bunga yang lain sering menjadi pilihan para tukang untuk menjadi motif utama dalam ukiran mereka. Bunga-bunga ini turut mempunyai warna yang menarik serta bau yang harum.

Pemilihan motif alam juga adalah berdasarkan kepada faktor mudah didapati dan tidak asing dalam kehidupan sosial masyarakat. Motif alam flora contohnya banyak melibatkan tumbuhan yang didapati hidup subur di sekitar halaman rumah atau kampung. Sesetengah tukang ukir menanan tumbuhan - tumbuhan tersebut di persekitaran rumah sebagai hiasan dan sumber inspirasi kepada mereka. Tumbuh-tumbuhan ini adalah berfungsi sebagai tanaman makanan atau hiasan kediaman. Selain itu, faktor fungsi perubatan juga menyebabkan motif alam dipilih sebagai motif. Dalam konteks masyarakat Melayu terdapat tumbuhan yang dikaitkan dengan fungsi perubatan dan digunakan secara turun temurun. Malaysia amat bertuah kerana dianugerahkan dengan pelbagai tumbuhan yang mempunyai khasiat perubatan. Pemilihan motif alam yang mempunyai kaitan dengan perubatan juga dilihat dapat memberikan satu semangat dan kekuatan kepada pemakainya. Masyarakat Melayu amat terpengaruh dengan perubatan tradisional walaupun kini telah sistem perubatan secara moden. Mereka mempercayai bahawa rawatan secara tradisional dengan menggunakan bahan-bahan alam lebih berkesan dan bersih berbanding perubatan moden. Kebanyakan tumbuh-tumbuhan yang mempunyai khasiat perubatan terdiri daripada tumbuhan liar yang hidup di hutan atau yang ditanam di persekitaran kediaman.

Faktor kenangan atau nilai sentimental turut mempengaruhi pemilihan motif alam sebagai motif ukiran logam halus. Sebagai contoh bunga kiambang dikaitkan dengan budaya harmoni dalam kehidupan masyarakat seperti mana disebut dalam perumpamaan Melayu “*biduk lalu kiambang bertaut*”. Ini secara tidak langsung menunjukkan pemilihan motif alam turut mempunyai kaitan dengan falsafah kehidupan tradisional masyarakat Melayu. Faktor terakhir yang mempengaruhi pemilihan motif alam dalam seni ukir adalah pandangan dan penilaian tukang terhadap pemakai atau pemilik bahan tersebut. Tidak dapat dinafikan tukang yang hebat mampu untuk menilai dan membaca personaliti pelanggan mereka. Tukang yang mahir juga mampu untuk memadamkan ciri-ciri flora dengan personaliti pelanggannya. Tukang biasanya akan memilih motif alam yang memberikan keserasian dan menampakkam aura hebat kepada pelanggan mereka.

KESIMPULAN

Motif alam flora yang digunakan secara meluas dalam seni ukiran logam halus di Kelantan membuktikan bahawa wujud kesinambungan tradisi pertukangan yang memperlihatkan kepentingan dan hubungan rapat tukang ukir dengan alam dan persekitaran mereka. Walaubagaimana pun penggunaan motif alam flora dalam kalangan tukang ukir sekarang lebih bersifat pewarisan motif alam tradisional. Tukang-tukang lebih selesa dan mahir mengukir menggunakan motif alam flora tradisional yang diwarisi daripada tukang terdahulu. Keadaan ini memperlihatkan motif alam flora tradisional masih kekal terpelihara dan lestari dalam seni ukiran logam halus. Sesuai dengan perkembangan zaman dan citarasa masyarakat, tukang-tukang turut mengaplikasikan teknologi terkini bagi memudahkan kerja mereka. Walaupun terdapat perubahan ketara khususnya dalam teknologi serta amalan pertukangan seni ukiran logam halus ini, namun motif alam flora tetap menjadi pilihan utama serta kekal menjadi satu tradisi yang unik malah disesuaikan dengan citarasa semasa. Di sebalik cabaran kekurangan pelapis yang mahir, ternyata tukang ukir logam halus juga telah berjaya mengekalkan motif alam flora dan mengolah ciri istimewa alam tersebut bagi menghasilkan artifak budaya yang mempunyai nilai kesenian yang halus, cantik dan penuh dengan falsafah kesenian.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Al-Ahmadi. 2003. *Tamadun Rumpun Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Abdullah Al-Qari Haji Salleh. 2003. *Ensiklopedia Herba-Herba Sekeliling Kita*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher.
- Abd Rasid Ismail. 2014. *Alam Sebagai Motif Kraftangan Fabrik Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Teknologi Mara.
- Adnan Jusoh. 2010. Loceng Gangsa Purba di Malaysia: Sumbangannya dalam Penyelidikan Peradaban Masyarakat Peribumi Purba. *Jurnal Melayu*, 5, 1-28.
- Aishah@Eshah Haji Mohamed Abd. Aziz Haji. Bidin. 2011. Wanita Melayu dan Tumbuhan Ubatan: Satu Analisis. *Jurnal Melayu*, 7, 121-146.
- Anwar Din. 2016. *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azah Aziz. 1990. *Selayang Pandang*. Kuala Lumpur: AMK Intergrasi Sdn. Bhd.

- Aziz Deraman. 1975. *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia.
- Haziyah Hussin. 2006. *Motif Alam dalam Batik dan Songket Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Ibrahim. 2011. *Warisan Motif dan Corak Etnik Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah
- Ismail Hussein, A. Aziz Deraman & Abd Rahman Al-Ahmadi. 1993. *Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ishak, S. 2010. *Kelantan Sebagai Pusat Kesenian Melayu Tradisional: Perkembangan Pelestarian dan Identiti*. Seni dan Budaya Kelantan. Persatuan Muzium Malaysia.
- Jasiman Ahmad, Nora Samat. 2000. *Siri Kesenian dan Pertukangan Tangan: Seni Pertukangan Logam*. Selangor: Mega Setia Emas Sdn. Bhd.
- Khairul Hafizi Naharuddin, Yunus Seman, Asrul Azli Abu Hassan et. al. 2009. *Seni Kraf Logam Motif dan Teknik*. Selangor: Percetakan Surya Sdn. Bhd.
- Khoo Kay Kim (penyt). 1982. *Beberapa Aspek Warisan Kelantan: Monograf Perbadanan Muzium Kelantan II*. Kelantan: Perbadanan Muzium Kelantan.
- Mohd Kassim Hj Ali. 1990. *Barang Kemas Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Kassim Hj Ali. 1988. *Gold Jewellery and Ornament*. Kuala Lumpur: United Press Sdn. Bhd.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. 2018. Pemuliharaan Warisan Budaya Melayu Melalui Perundangan Warisan dan Agensi Pelaksana di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 17(2), 143-159.
- Mohamad Mustapha. 1998. *Perkembangan Seni Ukir, Warisan Kelantan I*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Kelantan.
- Muhammad Afandi Yahya. 1995. *Simbolisme dalam Seni Bina Rumah Melayu Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- N.A Halim Nasir. 1999. *Motif dan Ukiran Pada Hulu dan Sarung Keris*. Kuala Lumpur: Perbadanan Kraftangan Malaysia.
- N. A Halim Nasir. 1975. *Besi dan Keluli*. Petaling Jaya: Syarikat Buku Uni-Text.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd Rahman & Othman Mohd Yatim. 1992. *Warisan Lembah Bujang*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan.
- Nik Mohamed Nik Salleh (penyt). 1993. *Beberapa Aspek Warisan Kelantan XII. Monograf Perbadanan Muzium Kelantan*. Kelantan: Perbadanan Muzium Kelantan.
- Siti Zainon Ismail. 1986. *Rekabentuk Kraftangan Melayu Asli*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Solehah Ishak. 2010. *Seni dan Budaya Kelantan*. Kuala Lumpur: United Selangor Press Sdn. Bhd.
- Sheppard, Mubin. 1972. *Taman Indera*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Syed Ahmad Jamal. 1992. *Rupa dan Jiwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Zawiah Baba. 2010. *Warisan Seni Ukir Kayu Melayu*. Bangi. Ampang Press Sdn. Bhd.
- Zakaria Ali. 1989. *Seni dan Seniman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Zubaidah Shawal.1999. *Kegemilangan Warisan Emas*.Kuala Lumpur: CETAKRAPI Sdn. Bhd.
- Zurinah Hassan.2010. *Unsur Alam dalam Puisi Melayu Moden*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaidi Saidi Ibrahim. 1982. *Aspek-aspek Budaya-Ekonomi Masyarakat Kelantan Sebelum 1909*. Kelantan: Monograf Perbadanan Muzium Kelantan II.

Biodata Penulis:

Mohd Razaimi Bin Hamat

Penulis merupakan calon Sarjana Falsafah di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff (Ph.D)

Penulis merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Bidang kajian beliau berkait warisan, kebudayaan Melayu dan pemuziuman budaya.